

Rumah Anak Yatim Islam Singapura, Masih Menghendaki Derma-Derma

Dalam satu surat siarannya yang terbaru, bertarikh 23 haribulan Februari 1962 yang lalu, badan penyelenggara rumah anak-anak yatim Islam Singapura, telah menyeru seluruh umat Islam khasnya di Singapura agar sudi menghulurkan derma-derma mereka kepadanya.

Derma-derma yang dimintanya tidaklah tertentu berupa wang ringgit sahaja, tetapi adalah diterima apa jua pun jenis dermanya.

Di bawah ini kita salinkan isi siaran tersebut dengan sepenuhnya.

Singapura 23 Februari 1962. Singapura sekarang ini sudah hampir siap dibina

Tuan,

Dalam bulan puasa yang berbahagia ini saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa rumah anak yatim Islam

di Mattar Road, Off al-Junayd Road, bagi menggantikan yang ada sekarang ini di Nombor 80 Lorong 29 Geylang, yang hanya boleh didiami oleh 19 orang sahaja. Rumah anak yatim Islam yang baru ini boleh didiami oleh 50 orang, lengkap dengan segala kemudahan-kemudahan hidup.

Walau bagaimanapun, tuan tentu ingin mengetahui serba sedikit perbelanjaan membina dan perbelanjaan menyelenggarakan rumah itu serta penghidupan anak-anak yatim itu sekali, iaitu seperti berikut:

Belanja membina rumah (termasuk perkakas-perkakas) \$165,000

Belanja bagi tahun 1960 (kira-kira tahun 1961 dalam audit) \$10,323.19 seperti berikut:

Belanja pasar	\$4,113.73
Tambang bas dan duit saku	1,405.50
Gaji pekerja-pekerja	2,635.00
Sewa rumah	517.20

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer

Oleh: Abdullah B. Hj Musa

(Lubis) \$2.00

Cherita2 Sejarah 1

Oleh: Edrus \$1.00

Balek Dari Medan Perjuangan

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.00

Sisa Neraka Dunia

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.20

Bangkai Bernyawa

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer

Oleh: Abd. Ghani bin Abbas \$ 1.50

Sejarah Perak Dahulu Dan

Sekarang

Oleh: Abdullah Hj. Musa

(Lubis) \$2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)

Oleh:Edrus \$2.00

Wang sekolah dan buku-buku	211.33
Wang simpanan pejabat <i>post</i>	126.00
Bayaran air dan api	512.69
Pakaian-pakaian	309.53
Runcit-runcitan	492.21
	<hr/>
	\$10,323.19
	<hr/>

Tiga Orang Johan Quran



Dari keterangan-keterangan itu nyatalah bahawa pihak penyelenggara membelanjakan wang sebanyak lebih kurang \$860.00 pada tiap-tiap bulan, atau pukul rata \$48.50 untuk tiap-tiap seorang anak yatim pada sebulan.

Oleh itu sangatlah kami berasa banyak-banyak terima kasih dan bersyukur ke hadrat *Subhānahu wa Ta'ālā* kalau dapatlah kiranya tuan menghulurkan apa juga jenis derma yang ikhlas. Kemurahan hati tuan memberi derma apa saja kerana anak-anak yatim itu mudah-mudahan akan dibalas oleh Tuhan berlipat ganda banyaknya.

Sudi apalah kirimkan derma tuan itu kepada:

Pengurus,

Derma rumah anak yatim Islam,

1-8, Palembang Road,

Singapura 7.

Gadis-gadis ini adalah johan dalam satu peraduan

membaca al-Qur'ān al-Karīm yang diadakan oleh dan di Madrasah Aminah (Jalan Turi, Singapura) pada 27 haribulan

Januari 1962 yang lalu. Dari kanan: Saudari

Normah binti Ali (Johan bahagian C.), Saudari

Fatimah binti Maidin (Johan bahagian A.), dan

Saudari Zubaidah binti Ahmad (Johan bahagian B.)

Mereka digambar bersama-sama dengan hadiah-hadiah kemenangan masing-masing

~~~~~

Yang benar

P.S

S.O.A al-Saggof

Rumah baru akan dibuka

bagi pihak M.T.F.A

pada awal bulan Jun 1962 ini.